

TARIKH/HARI	NAMA AKHBAR	KATEGORI
21 APRIL 2017 / JUMMATH	UTUSAN MALAYSIA	



GZG turut disahkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Al-Bakri.

## Santai dan interaktif

**B**UKAN hanya tertumpu kepada pembelajaran dalam bilik darjah, proses penguasaan pelbagai bidang ilmu dilihat lebih berkesan dengan bantuan alat sokongan belajar termasuk berkonsep permainan.

Mengakui perkara itu, Pengarah Pendidikan JPWPKL, Datuk Foziah Buang berkata, selari dengan tuntutan arus perdana dan permintaan remaja masa kini, proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) berasaskan permainan perlu diterapkan di sekolah sebagai pendedahan bersifat santai dan interaktif



FOZIAH BUANG

kepada pelajar.

GZG tambahnya, menepati permintaan itu walaupun berkonsepkan permainan, namun tidak melalaikan kerana tetap memfokuskan sasaran utama di sekolah iaitu elemen P&P berasaskan modul interaktif.

“Kita berharap pelaksanaan program ini dapat mencapai objektif dua dalam satu yang disasarkan iaitu menjalankan praktikal proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam kelas akademik secara terancang serta ‘fun learning’ dengan menggunakan bahan bantu mengajar.

“Membantu PdPc dan meningkatkan kefahaman guru serta pelajar mengenai kepentingan zakat di samping sebagai bukti ketaatan kepada Allah atas segala suruhan-Nya dengan menunaikan kewajipan berzakat,” ujarnya.

Menurutnya, penganjuran GZG juga dianggap mempunyai matlamat sama dengan JPWPKL iaitu bagi memaju dan menggerakkan jabatan masing-masing dalam usaha mencapai peningkatan kualiti lebih baik kepada masyarakat.

“Menerusi hubungan ini diharap dapat menggembeng tenaga kerja antara JPWPKL dan PPZ-MAIWP agar lebih mudah mencapai tujuan dengan lebih berkesan,” katanya.